



PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

IKLAN PRA KELAYAKAN TENDER

1. Pra Kelayakan Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas seperti berikut :-

MEMBINA DAN MENYIAPKAN DATARAN, KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA DAN KEMUDAHAN BERKAITAN DI RIZAB PADANG DAN PUSAT REKREASI, KAMPUNG PINDAH, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR (REKA DAN BINA).

2. **KETERANGAN AM KERJA**

Skop kerja bagi projek ini merangkumi kerja-kerja membina dan menaiktaraf Padang Bola sedia ada kepada Padang Rekreasi, Tempat Letak Kereta, Ruang Makan, Padang Permainan dan Kemudahan Awam yang lain.

3. **SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN**

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut :-

i) PENDAFTARAN KONTRAKTOR

- a) Jenis Syarikat – T1 (Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan) dengan keutamaan kepada syarikat berstatus Bumiputera.
- b) Mempunyai pendaftaran seperti berikut :-
 - i) Sijil Pendaftaran Syarikat daripada **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
 - ii) **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
 - iii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G7** dan kategori **B04**.

Kontraktor berdaftar yang sedang digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan Tender ini.

Setiap pendaftaran seperti di perenggan (i), (ii) dan (iii) di atas hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi **3 bulan** dari tarikh tutup Pra Kelayakan Tender.

4. Dokumen Pra Kelayakan Tender akan dipamerkan dan boleh diperolehi di pejabat:

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

Aras Bawah, Lot 61 Rumah Rohas,
Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu,
50300 Kuala Lumpur

Mulai **2 Oktober 2019 (Rabu)** hingga **22 Oktober 2019 (Selasa)** semasa waktu pejabat
(9.00 pagi hingga 4.30 petang).

5. Petender yang berminat untuk menyertai Pra Kelayakan Tender ini dikehendaki membeli dokumen yang dijual dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) senaskah sama ada secara Wang Pos atau Draf Bank atas nama "Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu".** Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
6. Dokumen Pra Kelayakan Tender akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa dengan mengemukakan surat wakil. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti bertulis seperti di perenggan **3.1 (i) (b)** dengan menunjukkan **Sijil/Perakuan Pendaftaran ASAL.**
7. Dokumen Pra Kelayakan Tender yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan hendaklah dikemukakan dan dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditulis di bahagian atas penjurong kiri "Pra Kelayakan Tender" dan dimasukkan ke dalam Peti Tender Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu pada **22 Oktober 2019 (Selasa)** tidak lewat dari **JAM 12.00 TENGAHARI** dan dialamatkan seperti di bawah :-

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU,
ARAS BAWAH RUMAH ROHAS,
LOT 61, JALAN RAJA ABDULLAH,
KAMPONG BHARU, 50300 KUALA LUMPUR.**

8. Dokumen yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.